

NO. SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 9 JUN 2014

RUJUKAN : 6806

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu yang ditahan, dibebaskan, didakwa di mahkamah di bawah Ops Cantas Khas. Sila nyatakan juga berapa bilangan suspek-suspek ini yang mati semasa dalam tahanan polis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pihak polis melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara.

Secara keseluruhannya sepanjang Ops Cantas dijalankan sehingga 28 Mei 2014 yang lalu, seramai 77,654 orang telah ditangkap. Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 30,438 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 6,669 kes telah dituduh di Mahkamah, 22,471 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,928 kes tiada tindakan diambil.

Dalam tempoh Op Cantas dijalankan, kematian dalam tahanan yang direkodkan adalah mereka yang ditahan atas kesalahan berkaitan dadah dan kesalahan lain dan bukan terdiri daripada mereka yang ditahan atas penglibatan dalam aktiviti gangster atau kongsi gelap. Kematian dalam tahanan mulai 17 Ogos 2013 sehingga 28 Mac 2014 adalah seramai 20 orang, yang mana 16 orang telah mati kerana

penyakit, seorang kerana HIV, 2 orang kerana gantung diri, dan seorang dcederakan oleh polis.

Kajian oleh Frost & Sullivan, sebuah badan bebas yang dijalankan pada bulan Julai, September dan Oktober 2013 berdasarkan persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan dan kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM telah menunjukkan impak yang positif. Kajian persepsi masyarakat terhadap indeks keselamatan (penilaian rasa takut menjadi mangsa jenayah) pada bulan Oktober 2013 adalah sebanyak 38% berbanding 57% pada tempoh yang sama tahun 2012, menurun sebanyak 19%. Penurunan ini menunjukkan tanda-tanda positif sokongan dan kerjasama dari masyarakat setempat secara berterusan terhadap usaha-usaha PDRM dalam aktiviti pencegahan jenayah.

Pihak Kementerian mempercayai dengan langkah yang diambil melalui Op Cantas ini dan juga dengan penubuhan jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ) dalam pasukan polis, masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat ditangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membenteras jenayah. Anggaph masalah jenayah sebagai agenda nasional yang memerlukan komitmen semua pihak bukan diletakkan sepenuhnya di bahu pihak penguatkuasaan semata-mata.